

BAB III

PERJUANGAN DAN PEMIKIRAN MELALUI POLITIK

3.0 Pengenalan

Sistem politik Islam dapat menyatukan masyarakat di mana manusia berada di bawah satu naungan pemerintahan Islam di dalam usaha mengatur dan mengorganisasikan masyarakat. Islam menerapkan peraturan umum yang sesuai untuk semua umat manusia sama ada di dalam menyusun masyarakat, memantapkan kedamaian, menjamin tertegaknya keseimbangan keagamaan, keseimbangan kehidupan dan keseimbangan masyarakat.

Dalam bukunya, *Jalan Pembebasan Rintisan Islam Menuju Perdamaian Dunia*, Sayyid Qutb menerangkan sistem politik Islam telah menggariskan hubungan antara pemerintah dengan yang diperintah sebagai hubungan yang adil dan memuaskan semua pihak. Seorang pemimpin Islam, tidak dapat memegang kekuasaan tanpa bekerjasama dengan masyarakat. Selanjutnya, dia hanya berhak memerintah selama dia mematuhi dan menjalankan hukum-hukum Allah S.W.T.¹

Di dalam menyatakan ideanya Sayyid Qutb menyentuh tentang politik sesebuah negara amat penting di dalam mencorakkan sistem pemerintahannya. Sistem pemerintahan Mesir telah diambil model dari barat yang mana terdapat kekurangan di sana sini. Oleh itu beliau berpendapat perlu kembali kepada sistem politik Islam iaitu demokrasi yang berasaskan sistem syura. Menurut Islam sistem itu tidak terhad malah ia bersesuaian mengikut suasana, masa dan tempat. Sayyid Qutb mengetengahkan kembali

sistem pemerintahan negara kepada sistem pemerintahan Islam sebelumnya. Corak pemerintahan negara lebih cenderung kepada pembaratan kerana para pemerintah lebih terdedah kepada arus Barat. Mereka cuba mengaplikasi pengalaman mereka di Barat dan cuba untuk mengasimilasikannya ke dalam sistem pemerintahan negara.²

Sistem politik Islam menurut Sayyid Qutb hendaklah berdasarkan kepada dasar musyawarah.³ Sistem pemerintahan yang didasarkan atas pilihan bebas musyawarah dan pemakaian undang-undang sebagaimana yang ditentukan Allah S.W.T, pasti akan mendapat kepercayaan masyarakatnya. Anjuran bermusyawarah ini telah dijelaskan di dalam Al-Quran dalam firmanya yang bermaksud ...*yang menyelesaikan urusannya dengan musyawarah...* (*al-Syura ayat 38*) dan ...*dan adakanlah musyawarah dengan mereka dalam beberapa urusan...* (*Ali- Imran ayat 159*).

Menurut Sayyid Qutb juga konsep musyawarah ini dapat menghapuskan sebarang unsur yang boleh menjaskan perpaduan masyarakat. Ini kerana dengan konsep musyawarah ini bererti setiap individu dalam masyarakat harus mengambil bahagian dalam memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan politik. Cara musyawarah yang dilaksanakan ini akan memberi keadilan kepada masyarakat. Perundingan bersama adalah perlu bagi mengwujudkan sebuah kerajaan yang khusus dinyatakan dalam perundangan Islam.⁴

Musyawarah adalah berasal dari perkataan syura yang diambil dari ungkapan biasa orang-orang Arab : *Syurtu al-dabbah wa syawaruha* (saya telah mengetahui di manakah seekor binatang itu berada) ataupun *syurtu al-asal wa syatartuha* (saya telah mengambil madu itu dari tempatnya). Dari ungkapan-ungkapan ini lahirlah kalimah *al-Istisyarah*

yang memberi maksud perundingan atau bermesyuarat untuk mencari penyelesaian terhadap satu masalah dan memutuskannya.⁵

Amalan syura yang digagaskan oleh Sayyid Qutb ini diambil dari model yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Rasulullah S.A.W sering berbincang dengan para sahabat terdekat untuk meminta pandangan mereka, tetapi Baginda tidak membentuk satu majlis tetap yang bertanggungjawab terhadap permesyuaratan ini. Majlis syura yang lebih rasmi dibentuk pada zaman Khulafah al-Rasyidin, apabila ditubuhkan “Dewan Senat” yang dianggotai oleh ketua-ketua kabilah, tokoh-tokoh dari pelbagai kota dan sebahagian para sahabat, terutamanya mereka yang sering berdampingan dengan Rasulullah S.A.W. Antara sahabat yang menjadi ahli Majlis Syura pada zaman Umar al-Khattab ialah Ali bin Abi Talib, Uthman bin Affan dan Talhah bin Ubaidillah. Menurut Sayyid Qutb juga sistem politik Islam menjamin kehidupan masyarakat di mana ia dibentuk dan ditadbir. Sistem Islam ini lebih berbentuk sukarela dan tanggungjawab agar rakyat ditadbir oleh undang-undang dan menyumbangkan lebih daripada apa yang diperlukan oleh masyarakat. Peraturan umum yang dilaksanakan oleh sistem Islam ini sesuai untuk semua keadaan sama ada tempat, masa dan keadaan masyarakat.⁶

Sistem politik Islam berasaskan kepada prinsip keadilan dan keredhaan di antara pemerintah dengan yang diperintah ini dapat mengelakkan berlakunya ketidakpuasan masyarakat terhadap pemerintah yang memerintah negara. Sayyid Qutb berpendapat seseorang pemerintah berhak memerintah selagi mana beliau patuh kepada perintah Allah S.W.T dan melaksanakan undang-undang Nya.⁷

Dalam ayat-ayat al-Quran Allah S.W.T memuji orang-orang beriman kerana melaksanakan syura dalam urusan mereka, dengan itu menjadikan syura sebagai salah satu sifat kesempurnaan iman. Ayat-ayat Al-Quran memberi keterangan bahawa syura bukan sekadar perundingan, perbincangan atau musyawarah atau pengurusan dilaksanakan, malah ia juga merupakan satu sifat terpuji orang-rang beriman. Melalui konsep syura ini dapat mencapai darjat kesempurnaan.⁸

Menurut Sayyid Qutb perundingan bersama yang berasaskan syura adalah perlu bagi mengwujudkan sebuah kerajaan yang baik walaupun tidak terdapat satu sistem perundingan yang khusus yang dinyatakan dalam perundingan Islam. Cara mendapatkan pendapat bergantung kepada keadaan yang beza-beza daripada daripada setiap peringkat umur dan suasana. Ini adalah kerana perundingan menunjukkan bahawa orang Islam mesti mengambil bahagian atau terlibat dalam keputusan yang berkaitan dengan kehidupan politik mereka dan mereka tidak harus merasa tidak puashati mengenai perkara-perkara yang mana pendapat mereka telah diminta.⁹

Islam mempunyai undang-undang dari Allah S.W.T yang perlu dilaksanakan secara sama rata terhadap semua manusia. Semua manusia adalah hamba Allah S.W.T dan adalah sama di sisi undang-undang Allah S.W.T. Kerajaan yang berdasarkan pilihan bebas, persetujuan majoriti dan perlaksanaan undang-undang yang diperintah oleh Allah S.W.T adalah terikat untuk menanamkan sifat yakin dalam diri rakyatnya. Akan terdapat sedikit ruang dan tiada motif untuk memberontak kerana masyarakat akan diperintah mengikut ajaran Islam.¹⁰

Kepatuhan terhadap pemimpin bergantung kepada ketaatannya dalam berpegang teguh kepada undang-undang Islam. Islam memerintahkan umatnya agar menentang mereka yang gagal melaksanakan undang-undang yang diturunkan oleh Allah S.W.T dan menegah mereka daripada menerima pemerintah yang mengkhianati janji-janji untuk patuh kepada Allah S.W.T dan Rasulnya. Oleh itu dasar syura yang diamalkan oleh Sayyid Qutb ini memberikan kesan yang besar kepada umat Islam ketika itu di samping menjaga kepentingan dan keselamatan hidup mereka.¹¹

3.1 Cabaran-cabaran Politik Islam

Pelbagai cabaran politik telah dihadapi oleh Sayyid Qutb dalam pembentukan masyarakat Islam. Pelbagai cabaran modenisme telah menyukarkan masyarakat Islam membentuk paradigma mereka sendiri dalam membentuk jatidiri di bawah sistem pemerintahan Islam. Cabaran politik juga merupakan kesan pengaruh penjajahan Barat terhadap umat Islam. Pertembungan antara Islam dengan Barat semasa Perang Salib pada penghujung abad ke sebelas Masihi adalah merupakan satu titik tolak baru dalam perjalanan sejarah perjalanan perhubungan Islam dan Barat.¹²

Di akhir abad kesembilan belas sehingga ke pertengahan abad kedua puluh, Mesir diperintah oleh keturunan Khedewi dan raja-raja yang terkenal dengan sikap yang buruk dari segi pemerintahannya. Mereka merupakan pelopor yang menjemput kedatangan Inggeris ke Mesir. Ekoran dari itu rakyat mula bangkit untuk menuntut demokrasi daripada pemerintah di samping menuntut keadilan, persamaan dan pembebasan dari penjajah.¹³

Semasa pemerintahan Khedewi Abbas Halimi iaitu pada tahun 1892, telah lahir pergerakan kebangsaan yang didokong oleh Kemal Atartuk¹⁴ yang mempunyai semangat kebangsaan dan ingin menyatukan semua rakyat sehingga membentuk suatu masyarakat yang bersatu untuk menentang Inggeris. Suasana di Mesir telah memperlihatkan kemajuan pemikiran dari segi pembangunan, pengetahuan dan keagamaan. Pemikiran politik dan agama berkembang serentak dalam pembentukan masyarakat Mesir. Kemal Atartuk menjelaskan bahawa agama dan politik adalah selari dan tidak boleh dipisahkan.

3.1.1 Cabaran Liberalisme

Dalam sistem politik pemerintahannya, liberalisme barat juga menggunakan sistem demokrasi sebagai jalan keluar melarikan diri dari kuasa agama dan gereja. Demokrasi yang dilaungkan oleh Barat ini bercogankatakan "kebebasan, persaudaraan dan persamaan".¹⁵ Di negara Barat rakyat telah diberi kebebasan berfikir dan memilih wakil-wakil dalam pemerintahan negara. Dasar ini akhirnya mendatangkan kesan yang negatif di mana masyarakat terlalu mempunyai kebebasan di dalam negara sehingga mengurangkan kuasa pemerintah.

Kebebasan yang diutarakan oleh aliran liberalisme ini tidak menjamin kedamaian dan kebahagiaan dalam masyarakat.¹⁶ Ini kerana kebebasan yang berlebihan kepada individu dalam masa yang sama menyekat kebebasan orang lain serta menghancurkan kedamaian dan kebahagiaan dalam masyarakat.

Ajaran Islam jauh sekali berbeza dengan aliran liberalisme ini. Islam menggalakkan konsep liberal dalam masyarakat bukannya liberalisme. Islam juga tidak

menolak pendapat bahawa setiap individu mencintai tanahairnya tetapi tidaklah secara keterlaluan. Begitu juga dalam memberi kebebasan hendaklah tidak melepas batas-batas syariatnya.

3.1.2 Cabaran Kapitalisme

Kapitalisme merupakan teori yang dilaksanakan di negara Barat. Serangan terhadap dunia Islam telah memberi kesan di mana negara-negara tersebut terikut-ikut melaksanakan teori ini. Teori kapitalisme berlainan dengan ajaran Islam dari sudut ajarannya. Teori ini telah mengancam sistem politik Islam. Kapitalisme menetapkan tegaknya kemerdekaan individu dan menetapkan keharusan mencari harta kekayaan.¹⁷ Islam mengutamakan kesejahteraan masyarakat seluruhnya dan mengharamkan perbuatan yang membahayakan kepentingan umum.

3.1.3 Cabaran Komunisme

Sistem komunisme cuba melenyapkan sistem kelas-kelas di kalangan masyarakat. Masyarakat dianggap sama sahaja darjatnya. Tidak ada golongan yang dipanggil tuan atau golongan hamba. Komunisme berkembang setelah kegagalan sosialisme dan Revolusi Perancis yang memperjuangkan persamaan (equality), kemerdekaan (liberty) dan persaudaraan (fraternity)¹⁸ dalam mencapai matlamanya. Komunisme cuba memperjuangkan apa yang tidak dapat dicapai oleh prinsip-prinsip sosialisme. Sosialisme menggarap seluruh aspek kehidupan manusia sama ada yang berbentuk materialisme atau etika atau metafizik. Manakala komunisme lebih menitikberatkan aspek negatifnya iaitu anti agama, akhlak dan sebagainya.

Rumusan

Politik sesebuah amat penting dalam menentukan keadaan hidup masyarakatnya. Sistem politik Islam jelas menjamin kesejahteraan hidup masyarakat di dalamnya dan pentadbiran negara dapat berjalan dengan berkesan. Politik Islam dapat membentuk masyarakat Islam mengikut acuannya yang tersendiri. Islam mengutamakan hak-hak asasi manusia dan dasar demokrasi yang memberi jaminan hidup masyarakatnya.

Abul A'la al-Maududi dalam bukunya *Asas Prinsip Peradaban Islam* menjelaskan peradaban ialah apa yang dihasilkan oleh sesuatu bangsa yang bersumber kepada ilmu pengetahuan, adab, kesenian yang indah, pembuatan, ciptaan dan perkembangan terhadap kehidupan peribadi dan masyarakat dan cara yang digunakan dalam kehidupan politik. Peradaban yang diutarakan oleh al-Maududi ini terdiri daripada lima unsur seperti menggambarkan kehidupan duniawi, tujuan hidup, keyakinan dan pemikiran asasi, pendidikan perorangan dan organisasi masyarakat.¹⁹

Hanya sistem politik berdasarkan demokrasi Islam sahaja yang dapat menyatukan masyarakat dan membentuk ketinggian darjah kemanusiaan. Islam didatangkan dengan sistem yang sempurna mengatur seluruh kehidupan masyarakatnya agar menjadi model kepada masyarakat lain. Perjuangan politik Sayyid Qutb cuba mengubah sistem politik Mesir kepada ajaran Islam yang sebenar akhirnya telah mengheret beliau ke tali gantung.

Nota Hujung

1. Sayyid Qutb, *Jalan Pembebasan Rintisan Islam Menuju Perdamaian Dunia*, (Jakarta: Shalahuddin Press, 1995), hlm .108.
2. Sayyid Qutb, *Islam dan Keamanan Sejagat*, (Kuala Lumpur: A.S. NOORDEEN, 1993), hlm. 109.
3. Sayyid Qutb, *Jalan Pembebasan*, hlm 101.
4. Sayyid Qutb, *Islam dan Keamanan*, hlm. 109.
5. Abdullah Alwi Hj Hassan Hj. *Al-Syura Konsep Dan Penerapannya Dalam Organisasi Dan Pentadbiran*, Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam, (Kuala Lumpur: INTAN, 1990), hlm. 75.
6. Sulaiman Nordin, *Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini*, (Kuala Lumpur: DBP, 1995), hlm.17.
7. Sayyid Qutb, *Islam dan Keamanan*, hlm.108.
8. *Al-Quran Karim*, surah an-Nisa' ayat 60 dan 65.
9. Sayyid Qutb, *Islam dan Keamanan*, hlm. 109.
10. Ibid.,hlm .109.
11. Ibid.,hlm. 136.
12. Abdul Rahman Abdullah Hj, *Pemikiran Islam Masa Kini*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), hlm. 31.
13. Ibid., hlm. 32.
14. Ibid.hlm.32
15. Sulaiman Nordin, *Islam, al-Quran*, hlm. 172.
16. Ibid., hlm. 173.

17. Mustafa Haji Daud, *Pengantar Masyarakat Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 49.
18. Sulaiman Nordin, *Islam, al-Quran*, hlm. 192.
19. Abul A'la Al-Maududi, *Asas Dan Prinsip Peradaban Islam*, (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1984), hlm.7.